



**MALAYSIA
MADANI**

Buletin

JABATAN LAUT MALAYSIA

Edisi Julai 2023

*Kempen Keselamatan Penumpang Bot dan Feri
International Maritime Organization Council (IMO)
SOP Terbaharu Pemakaian Pelitup Muka*



Foto : Rumah Api Pulau Undan, Malaysia



Jabatan Laut Malaysia



@lautmy




jabatanlaut



S A L A M MAAL HIJRAH

Awal Muharram atau Maal Hijrah merupakan suatu hari yang penting bagi umat Islam kerana hari tersebut menandakan peristiwa penting yang berlaku dalam sejarah Islam iaitu memperingati penghijrahan Nabi Muhammad s.a.w dari Kota Makkah ke Madinah pada tahun 622 Masihi.



JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM) DIBERI TARAF CEMERLANG DALAM NAZIRAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM)

4 Julai 2023 – Ketua Bahagian Khidmat Pengurusan, JLM Wilayah Utara memberi penerangan kepada pasukan Naziran JANM Negeri Pulau Pinang semasa Sesi Naziran Pematuhan Perakaunan Akruan baru-baru ini. Komponen Naziran adalah Aset, Belanja serta Liabiliti dan JLM diberi penarafan Cemerlang dalam komponen Liabiliti iaitu Akaun Belum Bayar, Deposit, Akaun Amanah Awam dan Pajakan Kewangan.



KUNJUNGAN HORMAT MARKAS 92 ANGGOTA TENTERA CAWANGAN KHAS KE INSTITUT LATIHAN PENGANGKUTAN LAUT (MATRAIN), JABATAN LAUT MALAYSIA



3 Julai 2023 – Pengarah MATRAIN telah menerima kunjungan hormat daripada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang diketuai oleh Brig Jen Saharudin bin Harun selaku Ketua Anggota Tentera Cawangan Khas. Kunjungan ini adalah bagi membincangkan dan memperkukuhkan kerjasama strategik dari segi pembangunan modal insan di antara dua agensi. Pihak ATM turut dicadangkan mengenai beberapa jenis Kursus di bawah STCW yang akan memberikan manfaat kepada anggota ATM secara amnya.

FERI BAHARU PULAU PINANG DIJADUAL MULA OPERASI 7 OGOS 2023 - JABATAN LAUT MALAYSIA YAKIN DAPAT BERI KELULUSAN PENUH

8 Julai 2023 – YBras Kapten Mohamad Halim bin Ahmed, Ketua Pengarah Laut Malaysia mengiringi YB Anthony Loke, Menteri Pengangkutan Malaysia semasa uji lari feri baharu – TELUK BAHANG di Swettenham Pier Cruise Terminal, Had Pelabuhan Pulau Pinang. 4 buah feri baharu iaitu TELUK BAHANG, TELUK KUMBAR, TELUK DUYUNG dan TELUK KAMPI dijadual beroperasi pada 7 Ogos 2023 dan masakini Pemeriksa Kapal JLM giat menjalankan uji lari di laut supaya dapat memberi kelulusan operasi sepenuhnya.



LANGKAWI INTERNATIONAL YACHT REGISTRY (LIYR) - SIMPSON MARINE ANJUR HARI TERBUKA KAPAL LAYAR PULAU PINANG



9 Julai 2023 - Pejabat Pendaftar LIYR, Ketua Pejabat Laut Langkawi menyertai Hari Terbuka Kapal Layar Pulau Pinang anjuran Simpson Marine - salah satu ejen LIYR berprestij lantikan YB Menteri Pengangkutan Malaysia yang mempunyai pejabat di China, Hong Kong, Indonesia, Singapura, Taiwan dan Thailand selain Malaysia bagi memperkenalkan pendaftaran LIYR kepada pemilik kapal layar mewah dunia. LIYR dijangka memberi hasil sebanyak RM 1.1 Billion kepada Negara dalam tempoh 3 - 5 tahun mulai tahun 2023

KURSUS "MARINE FACILITY SECURITY OFFICER (MFSO)" SIRI 3/2023




16 Julai 2023 - Institut Latihan Pengangkutan Laut (MATRAIN) telah menganjurkan Kursus "Marine Facility Security Officer (MFSO) Siri 3/2023" pada 4-6 Julai 2023

Kursus ini telah dihadiri seramai 29 orang *Marine Facility Security Officer (MFSO)* daripada Pelabuhan dari seluruh Malaysia yang mengikuti kursus ini dengan jayanya. Tenaga Pengajar bagi Kursus ini adalah Encik Mohammad Hisham Bin Ali dan Puan Fara Dela Binti A. Kadir yang dilantik menjadi tenaga pengajar selama tiga (3) hari bagi mengendalikan kursus tersebut.

Tujuan Kursus ini dilaksanakan adalah untuk memberi pendedahan dan informasi berkaitan pelaksanaan Kod ISPS di semua Kawasan Kemudahan Pelabuhan (MF) di seluruh Malaysia sejak dikuatkuasakan bermula 1 Julai 2004. Selain itu, kursus ini juga membantu pihak MFSO dalam memastikan semua Kawasan Kemudahan (MF) Pelabuhan yang menjalankan aktiviti dan operasi dengan mematuhi Kos ISPS yang telah ditetapkan.

MALAYSIA MARITIME SINGLE WINDOW (MMSW) 2024 - JABATAN LAUT MALAYSIA BERJAYA MULAKAN SISTEM BARU URUSAN PERLESENAN PERKAPALAN DALAM NEGERI

10 Julai 2023 - Ketua Pejabat Laut Negeri Perak bersama pasukan beliau selesai beri fasiliti kepada operasi Ship-to-Ship (STS) eksport silika untuk kapal kargo pukat bendera asing - SHEN KANG HAI di Had Pelabuhan Lumut, Perak. Mulai 1 Julai 2023, JLM telah berjaya memulakan operasi sistem dalam talian baru untuk urusan Perlesenan Perkapalan Dalam Negeri bagi mempercepatkan proses kelulusan kapal yang berdagang di perairan Malaysia. Sistem baru yang lebih kemaskini ini dijadual beroperasi sepenuhnya pada 1 Julai 2024 dan dibangun untuk meningkatkan daya saing ekonomi serta menjana pekerjaan berpendapatan tinggi kepada Negara.



WATON DAY - SAMBUTAN KEBANGSAAN PADA 19 - 20 OGOS 2023



11 Julai 2023 - Petugas Vessel Traffic Management Information System (VTMIS) di Terminal Feri Penumpang Langkawi, Kuala Kedah dan Kuala Perlis mengendalikan kawal selia keselamatan trafik feri penumpang dan RORO yang berulang alik di antara ke tiga-tiga pelabuhan penting di Utara Malaysia tersebut. VTMIS merupakan salah satu sistem bantuan paling efektif bagi keselamatan pelayaran dan World Marine Aids to Navigation Day merupakan forum terbaik untuk memperkenalkan kerjaya petugas belakang tabir yang menyelenggara dan mengoperasikan peralatan keselamatan yang penting ini.

JABATAN LAUT MALAYSIA SAMBUT BAIK PELABURAN INDUSTRI PERKAPALAN DALAM NEGERI

13 Julai 2023 - Pekerja limbungan melebarkan garisan pemisah kenderaan di feri LANGKAWI RORO bagi memenuhi aspek keselamatan membolehkan pintu kenderaan dibuka semasa disusun di dalam feri. Industri feri RORO merupakan industri yang paling berkembang di Utara Malaysia dan JLM bertindak sebagai economic enabler bagi membawa lebih banyak pelaburan strategik yang menyokong industri perkapalan dalam negeri.



PENARAFAN BAIK SKOP BELANJA LAPORAN NAZIRAN PEMATUHAN PERAKAUNAN AKRUAN - JABATAN LAUT MALAYSIA FOKUS LATIHAN BERTERUSAN



14 Julai 2023 - Timbalan Pengarah Laut Wilayah Utara (Pengurusan) bersama pegawai-pegawai kanan Jabatan Laut Malaysia (JLM) lain kemaskini pengetahuan pengurusan kewangan dan perolehan Kerajaan sebagai satu usaha meningkatkan prestasi keseluruhan secara berterusan. JLM menerima penarafan - CEMERLANG dalam skop Liabiliti manakala BAIK dalam skop Belanja Laporan Naziran Pematuhan Perakaunan Akruan - Aset dan Belanja Tahun 2023 yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

PENGUSAHA FERI BAHARU TUNJUK MINAT TAWAR FERI MODEN LEBIH SELESA



14 Julai 2023 - Pengarah Laut Wilayah Utara bersama pegawai-pegawai kanan beliau terima taklimat 2 pengusaha feri penumpang baharu yang memohon untuk memberi perkhidmatan di laluan Langkawi - Kuala Kedah - Kuala Perlis. JLM sentiasa memberi fasiliti dan mengalu-alukan pelaburan baharu di dalam industri perkapalan dalam negeri dalam usaha berterusan menaik taraf perkhidmatan feri dan merancakkan semula ekonomi Langkawi Bandaraya Pelancongan.

IALA AKAN MENJADI *INTERGOVERNMENTAL ORGANIZATION* (IGO) TIDAK LAMA LAGI



18 Julai 2023 - YBrs Kapten Mohamad Halim bin Ahmed, Ketua Pengarah Laut Malaysia mengadakan perbincangan 2 hala bersama Mr Morioka Hiroshi, First Secretary Kedutaan Jepun di Kuala Lumpur mengenai hala tuju Malaysia dalam pembentukan *International Association of Marine Aids to Navigation and Lighthouse Authority* (IALA) sebagai IGO. Malaysia telah dipilih menjadi Ahli Majlis IALA sejak tahun 2002 dan sekali lagi diberi mandat untuk menjadi Ahli Majlis melalui proses undian semasa Persidangan IALA ke-20 pada 5 Jun 2023 di Rio De Janeiro, Brazil pertengahan tahun ini.

SERTAI KERJAYA PELAUT, NOKTAKKAN MISKIN TEGAR



16 Julai 2023 - Pasukan Pemeriksa Ujian Lisan Jabatan Laut Malaysia (JLM) laksana ujian bagi mengesahkan pelaut layak menerima Perakuan Kekompetenan *Engineer Officer of 750 KW or more Near Coastal Trade Voyage*. JLM komited menjadikan kerjaya pelaut sebagai satu kerjaya yang boleh menoktahkan miskin tegar seperti yang ditetapkan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2023 ini.

PERHIMPUNAN BULANAN JABATAN LAUT WILAYAH TENGAH



18 Julai 2023 - Bahagian Khidmat Pengurusan Jabatan Laut Wilayah Tengah (JLW Tengah) telah berjaya menganjurkan perhimpunan bulanan jabatan yang mengumpulkan semua kakitangan JLW Tengah.

Encik Fakhrol Anwar Bin Abu Hasan, Timbalan Pengarah Laut JLW Tengah telah menyampaikan amanat dan pesanan semua warga Jabatan. Disamping menjadi medium penyampaian maklumat, perhimpunan ini dilihat sebagai usaha menyatupadukan kakitangan Jabatan dan memupuk rasa prihatin serta semangat kekeluargaan di kalangan kakitangan. Warga JLW Tengah kemudiannya dijemput membuat pemeriksaan kesihatan yang dijalankan oleh *JMC Specialist Medical Center* secara percuma.

KEMPEN KESELAMATAN BOT DAN FERI PENUMPANG JABATAN LAUT MALAYSIA DAN SESI LIBAT URUS BERSAMA PERSATUAN BOT-BOT PELANCONG PERINGKAT WILAYAH SELATAN 2023

20 Julai 2023 – Encik Mohd Hazwan Din bin Hashim, wakil kepada Pengarah Bahagian Operasi Maritim, Jabatan Laut Malaysia telah merasmikan Kempen Keselamatan Bot dan Feri Penumpang di Mersing, Johor yang berlangsung pada 20 dan 21 Julai 2023.

Turut hadir ialah YDH ASP Nurul Azhar Bin Abd. Hamid, ASP Kejuruteraan PPM W2, YBr. Tuan Shah Habidin Arip Bin Jaafar, wakil kepada Pengarah Laut Jabatan Laut Malaysia Wilayah Selatan, YDH Komander (M) Suhaizan Bin Saadin, Pengarah Zon Maritim Mersing, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, YDH Puan Zaleha Binti Abdullah Harun, Ketua Agensi Anti Dadah Kebangsaan Daerah Mersing dan YDH En. Muhammad Irfan Bin Dr. Ahmad Hanizar Pegawai Perikanan, Jabatan Perikanan Mersing.

Kempen Keselamatan Bot dan Penumpang merupakan program berkala yang dianjurkan oleh Jabatan Laut Malaysia (JLM) di seluruh negara. Kempen keselamatan ini melibatkan agensi, pegawai dan aset kerajaan sebagai satu usaha memperkukuh dan mempertingkatkan pengetahuan, memberi pendedahan dan kesedaran kepada pengunjung serta masyarakat setempat tentang kepentingan keselamatan ketika menggunakan mod pengangkutan laut seperti feri dan bot penumpang.

Umum mengetahui, Mersing merupakan pintu utama ke Pulau Tioman dan juga gugusan pulau-pulau yang terkenal dengan aktiviti pelancongan di negeri Johor, iaitu antara destinasi pelancongan yang amat popular di negara ini. Melalui aktiviti pelancongan, ianya telah mewujudkan satu sistem pengangkutan laut iaitu jeti penumpang, feri, bot penumpang dan kemudahan sokongan di sekitar Mersing. Ini memberikan penduduk tempatan peluang perniagaan dan sekaligus membangunkan ekonomi kawasan ini.

Sesi dialog bersama pengusaha-pengusaha bot pelancong dan bertemu dengan para pelancong turut diadakan bagi mendengar sendiri permasalahan dan cadangan yang diutarakan oleh pengusaha bot dan penumpang.



En. Wira bin Mhd. Saleh salah seorang wakil Persatuan yang hadir berpendapat, “Penganjuran kempen seperti ini bukan sahaja dapat merakytakan perkhidmatan Jabatan malah mampu dijadikan medan pertemuan dalam menyalurkan permasalahan dan isu berkaitan terutamanya isu yang dekat di hati penduduk kepulauan di Mersing”.

Salah seorang pelancong antarabangsa yang berasal dari Denmark, Niels Laursen berpendapat “Kempen ini wajar dilakukan dalam dwibahasa dalam memastikan penyampaian maklumat kempen khususnya di kalangan pelancong asing tidak ketinggalan. Namun begitu beliau turut memuji khasnya Jabatan Laut Malaysia dalam menerajui penganjuran kempen ini”.

JLM menghargai komitmen yang ditunjukkan dan segala usaha yang dijalankan bagi memastikan keselamatan setiap penumpang terjamin. JLM juga menekankan bahawa Dasar Keselamatan Pengangkutan Laut adalah menjadi tanggungjawab kita bersama. Pihak kerajaan sentiasa menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan dan akan mengambil tindakan undang-undang secara tegas keatas mereka yang tidak mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

INTERNATIONAL MARITIME ORGANIZATION (IMO) COUNCIL SESI KE 129 – KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA



20 Julai 2023 – YB Datuk Haji Hasbi bin Habibollah, Timbalan Menteri Pengangkutan telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Encik Kitack Lim, Setiausaha Agung IMO di Ibu Pejabat IMO, London. Semasa pertemuan tersebut, YB Timbalan Menteri Pengangkutan secara khususnya telah mengulangi komitmen dan hasrat Malaysia mengekalkan kerusi Ahli Majlis IMO Kategori C bagi penggal 2024-2025 iaitu penggal kesepuluh Malaysia bertanding kerusi tersebut.

Sebagai Ahli Majlis IMO, YB Timbalan Menteri Pengangkutan memaklumkan komitmen Malaysia yang akan terus memberikan bantuan dari segi perkongsian kepakaran terutamanya kepada negara-negara kurang membangun (*Least Developed Countries* – LDC) dan negara-negara kepulauan kecil (*Small Islands Developed States* – SIDS). Malaysia telah menyatakan komitmen untuk terus membantu IMO melalui sumbangan dana kepada inisiatif-inisiatif utama di bawah IMO. Ini adalah merupakan sebahagian daripada komitmen berterusan Malaysia sebagai Ahli Majlis IMO.

Setiausaha Agung IMO memandang tinggi Malaysia sebagai salah sebuah negara di rantau Asia khususnya ASEAN yang mempunyai struktur tadbir urus pengangkutan maritim dan pelabuhan yang sistematik. Dalam hubungan ini, beliau berpandangan Malaysia dapat memainkan peranan utama dalam mendapatkan persetujuan kolektif negara di rantau ini terhadap misi-misi dan inisiatif-inisiatif yang di ketengahkan oleh IMO.

Mengambil kira kekuatan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang mempunyai pelabuhan-pelabuhan utama dunia, IMO meminta supaya Malaysia dapat berkongsi kepakaran berhubung pengurusan pelabuhan dengan negara-negara LDC dan SIDS di bawah program kerjasama IMO.



Julai 2023 – YB Datuk Haji Hasbi bin Habibollah, Timbalan Menteri Pengangkutan telah mengadakan sesi pertemuan dengan Professor Maximo Quibranza Mejia Jr., Presiden *World Maritime University* (WMU) di Malmö, Sweden.

Sehingga kini, seramai lebih 60 rakyat Malaysia mengambil jurusan berkaitan maritim dan kelautan di mana 49 daripadanya menyertai program Ijazah Sarjana Sains (MSc) dalam Hal Ehwat Maritim manakala selebihnya belajar melalui pembelajaran jarak jauh. Kapten Mohamad Halim Ahmed, Ketua Pengarah Laut, Dato' Dr. Azfar bin Mohamad Mustafar, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura, Puan Norhasliza Mat Salleh, Timbalan Setiausaha Bahagian Maritim dan Atase Maritim Malaysia ke Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO), En Mohd Fairoz Rozali juga adalah antara alumni program pascasiswazah Universiti ini.

Presiden WMU telah merakamkan penghargaan kepada Malaysia atas sumbangan kewangan Malaysia kepada WMU selain kerjasama di antara pihak WMU dengan Malaysia. WMU berpandangan kemajuan dan pencapaian Malaysia selaku negara membangunkan pada tahun 1970-an sehingga kini dalam industri maritim terutama dalam industri pelabuhan seharusnya dikongsi dengan negara-negara kurang membangun (*Least Developed Countries* – LDC) dan negara-negara kepulauan kecil (*Small Islands and Developing States* – SIDS). WMU turut menjemput lebih ramai pelajar dalam bidang pelabuhan dan logistik untuk mengambil jurusan berkaitan di WMU.

Dalam hubungan ini, Malaysia dan WMU berminat untuk mengadakan sesi dialog selanjutnya untuk menjalin kerjasama yang lebih erat bagi membolehkan lebih ramai lagi rakyat Malaysia dapat menuntut di institusi berprestij ini dalam melahirkan para profesional di bidang maritim.

PELAKSANAAN OPERASI BERSEPADU SEMPENA KEMPEN KESELAMATAN BOT DAN FERI PENUMPANG MERSING, PERAIRAN JOHOR 2023



21 Julai 2023 – Selaras dengan Kempen Keselamatan Bot dan Feri Penumpang yang dijalankan di Mersing, satu Operasi Bersepadu telah dilaksanakan oleh Jabatan Laut Malaysia Wilayah Selatan di perairan Mersing, dan pulau-pulau di perairan Johor.

Kempen yang diadakan selama tiga (3) hari ini telah mendapat kerjasama daripada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Pasukan Polis Marin, Jabatan Perikanan Malaysia dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan. Aset Jabatan Laut Malaysia Wilayah Selatan yang di atur gerak untuk operasi ini adalah MV Al-Nilam.

Operasi Bersepadu ini dijalankan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran di kalangan pelancong pentingnya menaiki bot berlesen yang sah dan jurumudi yang kompeten untuk keselamatan pengangkutan laut ke pulau-pulau peranginan di perairan Johor. Selain itu bagi memastikan pematuhan bot-bot berlesen membawa penumpang ke atas Ordinan Perkapalan Saudagar (OPS 1952).

Dalam Operasi Bersepadu ini, sebanyak 19 buah bot berlesen yang beroperasi telah diperiksa. Bot-bot berlesen ini membawa penumpang dari Mersing ke Pulau-Pulau Peranginan di sekitar Perairan Johor.

Jabatan Laut Malaysia Wilayah Selatan merakamkan penghargaan dan ribuan terima kasih atas kerjasama yang padu dan komitmen yang tinggi daripada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Pasukan Polis Marin, Jabatan Perikanan Malaysia dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan dalam kolaborasi bersama menyertai Operasi Bersepadu ini.

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) *BEACH CLEANUP* JABATAN LAUT WILAYAH SELATAN DI PULAU BESAR, MERSING, JOHOR




22 Julai 2023 – Jabatan Laut Malaysia Wilayah Selatan (JLMWS) telah menganjurkan Program Tanggungjawab Sosial (CSR) *Beach Cleanup* di Pulau Besar, Mersing. Program ini dilaksanakan bertujuan untuk menyumbang kepada usaha mempromosikan pantai yang bersih, lestari dan menambah nilai estetik pesisir pantai selain meningkatkan kesedaran terhadap kesan sisa plastik yang tidak boleh terurai kepada alam sekitar marin.

Program yang melibatkan seramai 60 orang peserta telah berjaya mengutip sebanyak 88 kilogram sampah. Antara sampah yang dikutip ialah botol plastik, plastik pembungkus makanan, kertas, kaca, tali dan kain.

JLM mengucapkan terima kasih kepada wakil daripada Pasukan Polis Marin, Jabatan Perikanan Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Pejabat Daerah Mersing, Southern Volunteer, Ketua Kampung (Tok Kelana), Tengah Island Conservation dan penduduk Pulau Besar yang sudi melibatkan diri dalam program ini.

Semoga usaha JLM ini dapat menyumbang kepada kemakmuran alam semulajadi seterusnya meningkatkan kualiti persekitaran Pulau Besar, Mersing untuk manfaat masyarakat setempat. JLM sentiasa komited dalam program-program tanggungjawab sosial korporat yang dapat menyemarakkan hubungan baik antara JLM dengan masyarakat

MALAYSIA DAN MEKANISMA KERJASAMA DALAM KESELAMATAN PELAYARAN SERTA PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR DI SELAT MELAKA DAN SELAT SINGAPURA



23 Julai 2023 – Petugas Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran laksana selenggaraan alat bantuan pelayaran di Kemaman, Kuantan, Pekan dan Pulau Tioman bagi menjamin keselamatan pelayaran di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Di Pantai Barat iaitu di Selat Melaka dan Selat Singapura, Malaysia menjalin kerjasama erat dengan Negara Pantai yang lain seperti Indonesia dan Singapura melalui kerangka Mekanisme Kerjasama untuk memberi peluang kepada negara pengguna, industri perkapalan serta *stakeholders* lain mengambil bahagian dalam penyelenggaraan dan peningkatan keselamatan pelayaran serta perlindungan alam sekitar di kedua-dua Selat tersebut.

MALAYSIA DAN KOMPONEN MEKANISMA KERJASAMA DALAM KESELAMATAN PELAYARAN DAN PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR DI SELAT MELAKA DAN SELAT SINGAPURA



25 Julai 2023 – Petugas Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran (BPTBP) Wilayah Selatan laksana kerja selenggaraan alat bantuan pelayaran di perairan Negeri Johor. Sebagai jaminan terdapat sumber kewangan berterusan untuk selenggaraan lebih 51 alat bantuan pelayaran kritikal di Selat Melaka dan Selat Singapura secara jangka panjang, suatu dana khas untuk tujuan di atas telah diwujudkan sebagai komponen Mekanisme Kerjasama dan dinamakan Dana Alat Bantuan Pelayaran.

MALAYSIA DAN KOMPONEN MEKANISMA KERJASAMA DALAM KESELAMATAN PELAYARAN DAN PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR DI SELAT MELAKA DAN SELAT SINGAPURA



28 Julai 2023 – Tuan Timbalan Ketua Pengarah Laut Malaysia (Operasi) – YBrs Kapt Abdul Samad bin Shaik Osman yang merupakan Ketua Delegasi Malaysia semasa Mekanisma Kerjasama menerima taklimat pemantauan alat bantuan pelayaran secara virtual dari Ketua Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran (BPTBP) JLM Wilayah Timur manakala BPTBP JLM Wilayah Utara memperkasa latihan virtual yang sama kepada pelaksanaannya. Pembangunan SOP penggunaan alat bantuan pelayaran secara virtual di Selat Melaka dan Selat Singapura merupakan salah satu agenda Mekanisma Kerjasama di atas mulai 31 Julai – 4 Ogos 2023.

LAWATAN KERJA YB TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA (MOT) KE PERLIS DAN KEDAH



31 Julai 2023 – Padang Besar – YB Timbalan Menteri Pengangkutan (MOT) telah mengadakan lawatan kerja ke agensi-agensi dibawah MOT. Lawatan YB Timbalan bermula dengan pergerakan beliau ke Padang Besar dengan menggunakan mod pengangkutan awam iaitu ETS. Turut mengiringi YB Timbalan Menteri adalah delegasi daripada Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT), Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), Perbadanan Aset Keretapi (RAC), Timbalan Ketua Pengarah Laut (Operasi) Jabatan Laut Malaysia (JLM). Lawatan kerja YB Timbalan Menteri pada kali ini adalah bertujuan untuk melihat status pengoperasian yang dilaksanakan di agensi-agensi dibawah MOT di Kedah dan Perlis.

MARI TEROKA KEUNIKAN NEGARA KITA

LOGHAT BAHASA

Dialek merupakan variasi bahasa apabila variasi bahasa mudah itu difahami oleh pengguna dalam sesuatu masyarakat walaupun mempunyai pembahagian geografi. Dialek-dialek tempatan di semenanjung Malaysia sebenarnya adalah variasi daripada bahasa Melayu. Malah dalam satu-satu dialek tempatan di Malaysia. Terdapat pula, ideolek-ideolek iaitu kelainan pengucapan yang disebabkan oleh perbezaan individu dan kelainan struktur geografi yang menjadi sebagai akibat perbezaan kontek. Semua, kelainan ini disebut dialek tetapi penutur-penuturnya masih saling bersefaman antara satu sama lain. Antara dialek-dialek bahasa Melayu di Malaysia seperti dialek Utara, dialek Kelantan, dialek Terengganu, dialek Perak, dialek Selangor-Kuala Lumpur, dialek Negeri Sembilan, dialek Melaka, dialek Pahang, dialek Sarawak dan dialek Sabah. Dialek tempatan ini merupakan kepelbagaian dialek yang dituturkan oleh sekumpulan masyarakat dalam bahasa tersebut dan keunikan di Malaysia.

Dialek Kelantan pula, dituturkan di negeri Kelantan dan daerah Besut, Terengganu. Terdapat juga penduduk di beberapa buah daerah di Kedah seperti di Baling, Sik dan Kuala Nerang mempunyai banyak persamaan dengan dialek Kelantan. Ciri utama dialek Kelantan adalah penggantian huruf 'n' dan 'ng' di belakang kata dengan huruf 'e' dan 'o' dan perbezaan ketara perkataan. Contoh perkataan baku "**cakap**" menjadi kepada "**kecek**" dan "**saya**" menjadi kepada "**kawe**". Contoh dalam ayat pula, "**demo nok gi mano loni** " (**awak nak pergi ke mana sekarang**). Dialek Terengganu pula, dituturkan di Terengganu kecuali daerah Besau dan sebahagian negeri Pahang. Antara ciri dialek ini ialah akhiran 'n' dalam sesuatu perkataan di tambah dengan huruf 'g' . Contoh perkataan "**makan** " menjadi kepada "**makang**" dan "**ikan**" kepada "**ikang**" . Contoh dalam ayat dialek Terengganu, "**mung nok gi dok makang ikang?**"(**awak nak pergi tak makan ikan?**). Dialek Selangor-Kuala Lumpur lebih menggunakan bahasa yang telah dibakukan atau di standard. Ayat yang digunakan berbentuk formal, menggunakan tatabahasa yang gramatis. Contoh ayat dalam dialek ini ialah "**saya hendak pergi membeli-belah di MidValley**".



SOP TERBAHARU


PEMAKAIAN PELITUP MUKA

(Berkuat Kuasa 5 Julai 2023)



DIKEHENDAKI MEMAKAI PELITUP MUKA BAGI:

- ❶ Kes positif COVID-19
- ❷ Ketika berada di fasiliti kesihatan mengikut amalan Kawalan & Pencegahan Infeksi semasa berhadapan/ mengendalikan pesakit



AMAT DIGALAKKAN BERDASARKAN PENILAIAN KENDIRI BAGI:

- ❶ **Individu berisiko tinggi** seperti warga emas, individu dengan penyakit kronik, individu dengan imuniti rendah atau ibu mengandung terutama ketika berada di tempat sesak dan di mana pengudaraan kurang baik
- ❷ **Individu yang bergejala respiratori** bagi mengelakkan jangkitan kepada orang lain
- ❸ Semasa berada dalam **pengangkutan awam** seperti bas, kereta api, kapal terbang, teksi termasuk perkhidmatan *e-hailing*, bas/van pekerja dan bas/van sekolah



PENGURUSAN KES POSITIF COVID-19

- ❶ Tempoh HSO* adalah selama **5 hari** dari **tarikh bermula gejala**
- ❷ HSO diberikan melalui MySejahtera

Dilepaskan daripada HSO selepas 5 hari, namun perlu mengambil langkah-langkah pencegahan sehingga hari ke-10:

- ❶ Memakai pelitup muka ketika keluar dari rumah
- ❷ Elakkan berada di tempat yang sesak
- ❸ Elakkan melawat kumpulan berisiko tinggi
- ❹ Membuat perjalanan yang perlu sahaja
- ❺ Sentiasa mencuci tangan dengan sabun atau *hand sanitizer*

***HSO - Home Surveillance Order**

Sumber : Majalah Kita OK! Bil.27/Julai 2023

MENGESAN FENOMENA KEPALA AIR

- Kepala air adalah gelombang aliran air mengejut dalam kuantiti besar mengalir dari hulu sungai atau air terjun ke sungai utama.
- Kebiasaannya berpunca daripada hujan lebat yang berlaku di hulu sungai.
- Aliran puing ataupun *debris flow* bermula dari hulu di kawasan pergunungan, mempunyai halaju yang tinggi iaitu 14 hingga 15 meter sesaat sehingga menyebabkan perubahan morfologi signifikan di sepanjang dasar sungai dan lereng gunung.

TANDA-TANDA AWAL FENOMENA KEPALA AIR:

Keadaan langit yang gelap di bahagian hulu sungai (kawasan puncak bukit)

Bunyi guruh kuat

Bunyi dentuman, gerakan batu-batan atau air dari hulu sungai

Perubahan warna air daripada jernih kepada gelap atau kehitaman

Air sungai berbuih dan meningkat secara tiba-tiba

Aliran air tenang bertukar deras

Sampah sarap berkumpul di satu tempat

Kelodak, daun reput atau ranting kayu muncul dengan banyak di permukaan air

Siren amaran berbunyi bagi sesetengah tempat

- Terdapat juga keadaan di mana kepala air berlaku tanpa dijangka apabila tanah runtuh sehingga menyebabkan laluan air menjadi empangan sementara. Air mula bertakung dan apabila empangan pecah, air akan turun menjadi kepala air secara tiba-tiba.

PASTIKAN !

- Sentiasa berhati-hati jika ingin melakukan aktiviti berkhemah atau beriadah di kawasan sungai
- Peka dengan keadaan sekeliling
- Elakkan juga berada di tempat yang sunyi dan tidak ramai orang



Sumber : Majalah Kita OK! Bil.28/Julai 2023

PANDUAN KESELAMATAN TRANSAKSI PERBANKAN DALAM TALIAN

1 Rahsiakan **nama pengguna, kata laluan** dan digalakkan untuk menukar kata laluan setiap 6 bulan.

2 Gunakan peranti dengan **perlindungan antivirus** yang dikemas kini.

3 Segera **log keluar** sejeurus selesai membuat transaksi.

4 Kosongkan **cache, cookies** dan **sejarah pelayar** Internet sejeurus selesai urusan perbankan.

5 Jangan klik/buka sebarang e-mel, SMS, pautan media sosial yang mencurigakan untuk mengelakkan **serangan phishing**.

Jangan tinggalkan peranti anda tanpa **pengawasan** ketika sedang melakukan transaksi.

6

Sentiasa periksa **baki/penyata akaun** untuk pastikan tidak berlakunya pengeluaran tidak sah.

7

8 Membenarkan **multi-factor authentication** sebagai perlindungan tambahan.

9 Elakkan melakukan perbankan dalam talian menggunakan **WiFi awam**.

Jika akaun bank anda telah dikompromi, segera **laporkan** kepada pihak bank/pihak berkuasa.

10



DAPUR JLM

Roti

Sarang Lebah



BAHAN - BAHAN:

Bahan untuk doh roti:

- 2 cawan tepung gandum.
- 1/2 sudu kecil serbuk yis
- 1/4 sudu kecil garam halus
- 1/2 sudu kecil baking powder
- 1 sudu besar gula halus atau gula kastor
- 1/4 cawan plain yogurt
- 1/4 cawan minyak jagung
- 1/2 cawan air suam

Bahan untuk taburan/hiasan:

- 1 biji kuning telur dicampur 1 sudu kecil air, untuk disapu
- sedikit sliced almond
- bijan hitam
- biji labu atau biji bunga matahari

Bahan untuk sos butterscotch:

- 25 gram butter
- 1/2 cawan gula perang
- 1/2 cawan whipping cream
- 1/4 sudu kecil garam
- 1/2 sudu kecil esen vanila

CARA PENYEDIAAN:

Cara untuk Roti:

- Campurkan tepung gandum, serbuk yis, baking powder, gula halus dan gaulkan sebati. Kemudian masukkan garam. Sebab kenapa garam dimasukkan kemudian adalah kerana yis tidak boleh bersentuhan dengan garam, boleh mengakibatkan yis rosak.
- Tuang yoghurt, minyak dan air suam, kemudian kacau dan uli sehingga lembut dan sebati. Doh ini agak lembik, jangan cuba untk menambah tepung. Cukup sekadar sedikit taburan tepung supaya doh tidak melekat di tangan. Uli selama 5-10 minit.
- Jika anda gunakan breadmaker, sila ikut arahan aturan bahan mengikut *breadmaker* anda.
- Rehatkan doh sehingga kembang dua kali ganda. Keluarkan doh dan tumbuk keluar gelembung udara. Bahagikan doh kepada 12 atau 16 bahagian atau ikut kesukaan anda. Bulatkan doh dan susun di atas *baking tray*. Rehatkan doh sehingga naik dua kali ganda. Sapu bahagian atas dengan telur dan hiaskan dengan bahan taburan.
- Panaskan oven kepada 160 darjah celcius, bakar selama lebih kurang 20-25 minit, atau sehingga masak. Angkat dan sejukkan. Tuang sos butterscotch di atas roti sebelum dihidang.

Cara untuk sos butterscotch:

- Di atas api yang perlahan, panaskan mentega dan gula perang, kacau seketika. Masukkan pula whipping cream, garam dan esen vanilla. Kacau sehingga sos pekat sebati. Tidak perlu terlalu lama.

EDITORIAL BULETIN JABATAN LAUT MALAYSIA



Ketua Editor
Mohammad Hisham Bin Ali



Kapten Mohamad Halim Bin Ahmed
Penasihat

EDITOR- EDITOR



**Reeta a/p
Francis**



**Mohamad Najdi Naim
Bin Mohd Tarmizi**



**Azham
Bin Abd Razak**



**Sharifah Taherah Bt
Shabbir Ahmad**



**Siti Norparlila Bt
Sidek**



**Asrul Hafandi
Bin Awang Haji**

Diterbitkan oleh:

UNIT KORPORAT

Ibu Pejabat Laut, Jabatan Laut Malaysia

Peti Surat 12, Jalan Limbungan,
42007 Pelabuhan Klang,
Selangor Darul Ehsan.

korporat@marine.gov.my